



MS ISO 9001:2008 REG NO KLR 0500197



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI**  
**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan : UPNM(P)01.03/06 (40)  
Tarikh : **15** November 2013

Semua Staf,  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,  
Kem Sungai Besi,  
Kuala Lumpur.

YBhg. Dato'/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 9 TAHUN 2013**  
**KOD ETIKA PAKAIAN STAF**  
**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

---

## **1.0 TUJUAN**

Kod Etika Pakaian ini bertujuan untuk menjelaskan secara terperinci tatacara berpakaian bagi staf Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) selain menetapkan jenis pakaian yang sesuai, *standard* dan kemas dipakai semasa bekerja dan semasa menghadiri majlis-majlis rasmi.

## **2.0 PENGUATKUASAAN KOD ETIKA PAKAIAN STAF**

Peraturan 5, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) di bawah Bahagian II (Tatakelakuan) perkara “ETIKET PAKAIAN” menetapkan bahawa:

- (1) Seseorang pegawai semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh badan berkanun melalui arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Lembaga.
- (2) Seseorang pegawai yang dikehendaki menghadiri sesuatu upacara rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi upacara itu, dan jika etiket pakaian bagi upacara itu tidak ditentukan, dia hendaklah berpakaian yang sesuai bagi upacara itu.

### 3.0 TAFSIRAN

- 3.1 “**UPNM**” bermaksud Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
- 3.2 “**Staf**” bermaksud seseorang yang dilantik dan berkhidmat dengan UPNM dengan lantikan tetap, kontrak, sementara dan sambilan.
- 3.3 “**Waktu Bekerja**” bermaksud adalah seperti berikut:
  - i) Waktu Bekerja Normal bermaksud daripada Isnin hingga Jumaat mulai 8.00 pagi hingga 5.00 petang
  - ii) Waktu Bekerja Giliran bermaksud daripada Isnin hingga Ahad (tertakluk kepada penetapan waktu bekerja semasa oleh Pusat Tanggungjawab berkaitan)
  - iii) Pelaksanaan jadual waktu bekerja ini adalah selaras dengan arahan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 2 Tahun 2011.
- 3.4 “**Pakaian Seragam**” bermaksud pakaian rasmi yang dibekalkan oleh UPNM mengikut reka bentuk dan warna sebagaimana yang telah ditetapkan pemakaianya bagi jawatan tertentu yang telah dikenal pasti.
- 3.5 “**Ketua Jabatan / Unit**” ialah seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu jabatan, bahagian atau unit di UPNM.
- 3.6 “**Sandal**” ialah kasut yang menyerupai selipar dan mempunyai tali belakang.
- 3.7 “**Batik**” ialah batik yang dibuat, dicop, dilukis, ditulis di Malaysia atau Batik Korporat UPNM.

## **4.0 PANDUAN PAKAIAN SEMASA BEKERJA**

### **4.1 Peraturan Pakaian Semasa Bekerja**

#### **4.1.1 Pakaian Staf Lelaki**

##### **i) Kepala**

- a) Rambut hendaklah pendek dan kemas serta tidak mencecah kolar baju.
- b) Hanya songkok sahaja yang dibenarkan untuk pemakaian ketika bekerja.

##### **ii) Pakaian Kemeja Staf Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, Ahli Akademik:**

- a) *Lounge Suit* atau *Bush Jacket* dengan bahan kain dan warna yang bersesuaian iaitu kot, seluar serta kemeja berlengan panjang.
- b) Baju kemeja berlengan panjang dan seluar panjang (*Slack*) serta bertali leher dengan warna yang sesuai. **Lengan baju kemeja yang dipakai tidak boleh dilipat.**
- c) Diwajibkan memakai tali leher pada setiap hari dan pemakaian tali leher UPNM adalah diutamakan.

##### **iii) Pakaian Kemeja Staf (tidak dibekalkan Pakaian Seragam):**

- a) Baju kemeja berlengan panjang dan seluar panjang dengan warna yang sesuai. Baju hendaklah dimasukkan ke dalam (*tuck-in*) serta **lengan baju kemeja yang dipakai tidak boleh dilipat.**
- b) Diwajibkan memakai tali leher pada setiap hari Isnin sahaja manakala pemakaian pada hari-hari lain adalah digalakkan. Pemakaian tali leher berlogo UPNM adalah diutamakan.

**iv) Pakaian Batik Malaysia**

- a) Hendaklah memakai pakaian batik Malaysia/batik rasmi UPNM pada setiap hari Khamis. Pemakaian batik Malaysia ini melibatkan kategori fesyen seperti berikut:
  - Baju kemeja batik Malaysia berlengan panjang dengan leher kemeja biasa dan berbutang penuh; atau
  - Baju kemeja batik Malaysia berlengan panjang dengan leher berkolar Nehru dan butang terselindung.
- b) Pakaian batik Malaysia ini mestilah dipakai dengan seluar panjang (*slack*) dan **lengan tidak boleh dilipat**.
- c) Pemakaian pakaian batik tidak terpakai bagi staf yang mendapat peruntukan kemudahan pakaian seragam.

**v) Pakaian Baju Melayu**

- a) Dibenarkan memakai pakaian baju Melayu jenis kolar Cekak Musang. Baju Melayu hendaklah dipakai lengkap dengan bersamping dan bersongkok hitam. Samping hendaklah dipakai di luar baju Melayu dan tidak melebihi lutut. Pakaian Baju Melayu dengan kain sarung sahaja atau dengan seluar yang tidak sedondon adalah **tidak dibenarkan**.

**vi) Pakaian Kemeja Korporat UPNM**

- a) Digalakkan untuk memakai kemeja korporat UPNM pada setiap hari Selasa.

**vii) Pakaian Sukan**

- a) Staf lelaki digalakkan memakai seluar ketat / *tights* sehingga melepassi lutut ketika memakai seluar pendek seperti seluar untuk bermain bola sepak atau aktiviti lain semasa bersukan.
- b) Hendaklah berpakaian sukan atau yang bersesuaian ketika menyertai aktiviti luar seperti bersukan dan beriadah.

**viii) Kasut**

- a) Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya beserta stokin hendaklah dipakai semasa bekerja.

**ix) Am**

- a) Kemeja lengan panjang perlu dibutangkan.
- b) Diwajibkan memakai tanda nama rasmi UPNM di sebelah kiri dada.
- c) Diwajibkan memakai kad staf UPNM semasa waktu pejabat sepanjang berada di dalam kawasan Universiti.

**4.1.2 Pakaian Staf Wanita**

**i) Kepala**

- a) Memakai tudung dengan warna dan fesyen yang bersesuaian serta tidak menjolok mata.
- b) Staf yang tidak memakai tudung / bukan beragama Islam hendaklah menyisir rambut dengan rapi dan bagi yang berambut panjang hendaklah diikat dengan kemas.

**ii) Pakaian (tidak dibekalkan Pakaian Seragam):**

- a) Memakai baju kurung / baju kebaya longgar dan labuh atau lounge suit melalui gabungan *3-pieces suit* yang bersesuaian iaitu kot, skirt labuh dan longgar serta kemeja berlengan panjang. Pilihan warna yang digalakkan adalah warna gelap.
- b) Pakaian Kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bertugas dan pakaian mestilah sopan, tidak jarang atau mendedahkan bahagian anggota yang boleh menghairahkan. (Contohnya : Bagi staf berbangsa India, sari yang dipakai hendaklah sentiasa menutup bahagian perutnya dan staf berbangsa

cina, ceongsam hendaklah melebihi paras lutut serta tidak berbelah tepi)

- c) Staf wanita dibenarkan memakai *pant suit* / *3 piece suit* yang sesuai iaitu blaus / jaket labuh dan seluar panjang yang melepas buku lali, daripada jenis kain yang sama serta warna yang serupa atau hampir serupa.
- d) Dibenarkan memakai baju lengan pendek dengan syarat ukuran panjang lengan mestilah sekurang-kurangnya 8 inci daripada paras bahu. Pemakaian baju tanpa lengan adalah tidak dibenarkan.
- e) Hanya seluar *slack* sahaja yang dibenarkan untuk dipakai ketika bekerja.

**iii) Pakaian Batik Malaysia**

- a) Hendaklah memakai pakaian batik Malaysia pada setiap hari Khamis. Pemakaian batik Malaysia ini melibatkan kategori fesyen seperti berikut:
  - Pakaian batik yang sesuai, sopan dan kemas. (Contohnya baju kurung dan baju kebaya labuh.)
  - Pemakaian batik yang jenis kainnya terlalu berkilat atau warna yang bergemerlapan adalah tidak digalakkan.
- b) Pemakaian batik tidak terpakai bagi staf yang mendapat peruntukan kemudahan pakaian seragam.

**iv) Pakaian Kemeja Korporat UPNM**

- a) Digalakkan untuk memakai kemeja korporat UPNM pada setiap hari Selasa.

**v) Pakaian Sukan**

- a) Hendaklah berpakaian sukan atau yang bersesuaian ketika menyertai aktiviti luar seperti bersukan dan beriadah.

**vi) Kasut**

- a) Kasut kulit atau kasut yang bertutup sekeliling.

**vii) Am**

- a) Diwajibkan memakai tanda nama rasmi UPNM di sebelah kiri dada.
- b) Diwajibkan memakai kad staf UPNM semasa waktu pejabat sepanjang berada di dalam kawasan Universiti.

**4.2 Pemakaian Yang Tidak Dibenarkan Semasa Bekerja**

**4.2.1 Pakaian Staf Lelaki**

**i) Kepala**

- a) Memakai serban, kopiah, topi atau kain penutup kepala.
- b) Fesyen rambut mencacak, *punk* atau *skinhead* dan yang sama dengannya dan tidak dibenarkan mewarnakan rambut melainkan atas sebab-sebab kesihatan.
- c) Misai melebihi bibir atas dan janggut mencecah butang atau baju.
- d) Bertindik atau memakai subang di hidung, lidah atau sama jenis dengannya.

**ii) Badan**

- a) Memakai kemeja berlengan pendek.
- b) Memakai pakaian batik Malaysia berlengan pendek.
- c) Memakai pakaian kasual / semi kasual seperti baju T-shirt berkollar, T-shirt berkollar bulat, *jeans*, *corduroy*, seluar pendek atau yang sama jenis dengannya.
- d) Memakai baju Melayu Teluk Belanga melainkan atas tuntutan sesuatu majlis tersebut seperti Perarakan Maulidur Rasul dan Jamuan Hari Raya Universiti / Jabatan.

- e) Pakaian batik Indonesia pada hari Khamis menggantikan pakaian batik Malaysia.
- f) Kemeja bercetak perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang berunsurkan politik, ganas, seram dan seumpamanya.
- g) Memakai pakaian menjolok mata walaupun semasa menjalankan tugas lebih masa.

iii) **Kaki**

- a) Selipar, kasut getah, kasut kanvas, kasut sukan atau yang sejenis dengannya.

**4.2.2 Pakaian Staf Wanita**

i) **Kepala**

- a) Memakai purdah atau apa-apa pakaian yang menutup muka semasa di pejabat.

ii) **Badan**

- a) Memakai pakaian kasual / semi kasual seperti blaus pendek tidak melepas punggung, seluar *legging*, *jeans*, *pant suit (2 pieces)* iaitu kot dan seluar, mini skirt atau seluar yang singkat dan ketat atau yang sama jenis dengannya.
- b) Memakai pakaian yang menjolok mata seperti baju kebaya ketat, kurung kedah, pakaian yang berkain jarang dan nipis, pakaian berlengan lebar, leher luas, tidak berlengan serta memakai *inner*.
- c) Pakaian Batik Indonesia atau baju yang dipadankan dengan kain batik sarung pada hari Khamis menggantikan pakaian batik Malaysia.
- d) Memakai pakaian yang menjolok mata semasa menjalankan tugas lebih masa.

- e) Kameja bercetak perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang berunsurkan politik, ganas, seram dan seumpamanya.
- f) Mewarnakan kuku (melainkan inai), rambut dan anggota lain melainkan atas sebab-sebab tertentu yang dibenarkan berdasarkan faktor kesihatan. Walau bagaimanapun, ianya perlu mendapatkan pengesahan Pegawai Perubatan.

iii) **Kaki**

- a) Selipar, kasut getah, kasut kanvas dan kasut sukan atau yang sejenis dengannya tidak boleh dipakai semasa bekerja.

#### **4.3 Panduan Pemakaian Pakaian Seragam**

**4.3.1** Pemakaian pakaian seragam ini perlu dipakai semasa bekerja secara berterusan bagi mereka yang dibekalkan dengan tujuan seperti berikut:

- a) Sebagai pengenalan diri staf semasa menjalankan tugas;
- b) Untuk perlindungan dan keselamatan diri staf / pesakit;
- c) Bagi maksud kebersihan dan rupa; dan
- d) Bagi jawatan-jawatan tertentu, sebagai lambang kuasa yang diperuntukkan kepada staf kerana tugas jawatannya.

#### **4.3.2 Syarat Am**

- a) Pakaian Seragam adalah **wajib** dipakai semasa bertugas bagi staf yang dibekalkan dengannya.
- b) Staf boleh memakai 'sandal' atas sebab kesihatan setelah mendapat nasihat dan surat pengesahan daripada pegawai perubatan UPNM serta kelulusan Ketua Jabatan/Unit.

**4.3.3 Senarai Staf UPNM Yang Dibekalkan Pakaian Seragam Adalah :**

- a) Juruteknik
- b) Juruteknik Komputer
- c) Tukang K1
- d) Tukang K3
- e) Pekerja Awam
- f) Pekerja Awam Khas
- g) Penjaga Jentera Elektrik
- h) Pemandu Kenderaan
- i) Pembantu Am Pejabat
- j) Pengawal Keselamatan
- k) Pembantu Keselamatan
- l) Penolong Jurutera
- m) Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
- n) Penolong Pegawai Perubatan
- o) Jururawat
- p) Penolong Pegawai Farmasi
- q) Juru X-ray
- r) Jurupulih Perubatan
- s) Juruteknologi Makmal Perubatan
- t) Atendan Kesihatan
- u) Penolong Pegawai Laut
- v) Kelasi/Jurumudi
- w) Pembantu Laut
- x) Pembantu Makmal

## **6.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

## **7.0 RUJUKAN**

- a) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985
- b) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990
- c) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995
- d) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000, Akta 605
- e) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006
- f) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008
- g) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011
- h) Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 6 Tahun 2008
- i) Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 7 Tahun 2008

**“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”**

Yang benar,

  
**PROF MADYA DR/BIBI ZARJAAN BINTI AKHBAR KHAN**

Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

- s.k    Naib Canselor  
      TNC Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa  
      TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni  
      TNC Penyelidikan dan Inovasi  
      TNC Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat  
      Pegawai - Pegawai Kanan  
      Dekan – Dekan Fakulti  
      Pengerusi GPTI  
      Pengerusi NADIMASA  
      Pengerusi KESUPNA